

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : PERTANYAAN LISAN DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 22 (5)**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sebab Menteri tidak melantik wakil yang dicadangkan oleh Persatuan Perindustrian Kayu-Kayan Malaysia (MWIA) untuk menjadi Ahli Pemegang Amanah Malaysia Timber Council (MTC) seperti yang dinyatakan dalam perlembagaan MTC. Nyatakan sebab Menteri masih tidak melantik wakil industri kayu-kayan dalam MTIB selepas pelantikan wakil industri dibatalkan selama beberapa bulan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah diberi kuasa untuk menentukan pelantikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) *Malaysian Timber Council* (MTC). Perkara ini adalah selaras dengan peruntukan yang termaktub di bawah *Article 11, Memorandum and Articles of Association (M&A) of MTC*.

Bagi urusan pelantikan ALPA MTC, pihak *Malaysian Wood Industries Association* (MWIA) telah mengemukakan kepada Kementerian senarai tiga orang calon bagi mewakili persatuan MWIA untuk pertimbangan. Dalam hal ini, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada 8 September 2020 telah bersetuju untuk melantik Encik Mok Khiaw Hui, Naib Presiden MWIA sebagai ALPA MTC yang baharu bagi mewakili MWIA. Oleh yang demikian, tiada isu Menteri tidak melantik calon yang dicadangkan oleh MWIA untuk menganggotai ALPA MTC.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kesemua pelantikan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga (ALP) Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) yang melibatkan wakil industri kayu-kayuan telah selesai dilaksanakan. Surat serta sijil pelantikan juga telah dikemukakan kepada kesemua ALP MTIB berkenaan.

Sekian, terima kasih.